

# WARGA SERI AL HUDA

DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Untuk Pertama Kalinya  
Didalam Sejarah Manusia



Bersatu Kita Mati



Bercerai Kita Selamat

### Jangan Terjebak Sebar Berita Palsu!

Pihak Polis telah membuka 94 kertas siasatan berhubung penyebaran berita palsu berkaitan dengan wabak COVID-19, setakat 26 Mac 2020.

Sebarang penyebaran berita palsu akan didakwa mengikut Seksyen 505 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia.

(4) enam kes telah dibicarakan di mahkamah dengan (5) lima kes daripadanya telah mengaku bersalah dan sebanyak 80 kes lagi masih dalam siasatan.

**SEMAK SEBELUM SEBAR**

- BACA**  
Jika membaca sesuatu siaran menarik dan ingin berkongsi dengan rakan yang lain.
- SEMAK**  
Ambil masa untuk menyemak kesahihan dan fakta berkaitan siaran tersebut.
- SEBAR**  
Selepas mendapat kepastian barulah berkongsi dengan rakan yang lain.

InfocafikMKN

سکولہ رندہ  
اسلام الہدی



SEKOLAH RENDAH ISLAM AL HUDA


Dikemaskini sehingga 02 Disember 2020, 12.00pm

<b>Jumlah Keseluruhan Kes</b> <b>68,020</b> +851	<b>Kes Import: 4</b> <b>Kes Tempatan: 847</b>	<b>Jumlah Kes Sembuh (Discaj)</b> <b>56,969</b> +658 83.8% Daripada Keseluruhan Kes	<b>Jumlah Kes Aktif</b> <b>10,686</b> ICU: 122    Bantuan Pemafasan: 47	<b>Jumlah Kematian</b> <b>365</b> +2 0.5% Daripada Keseluruhan Kes
--	--	---	---	--

## Ingatlah kita?

Sebagai muslim, apatah lagi menjadi warga SERI AL HUDA, amalan membaca surah Al Asr menjadi rutin dan kebiasaan. Ianya bukan kebiasaan yang perlu diganti kerana ianya adalah arahan Allah...

Menurut Nourman Ali Khan: <https://youtu.be/547B7XbTicl>



By the **time** of Asr. ... **Allah** makes the **time** of Asr His object of oath to stress upon the temporariness and insignificance of the life of this world. Another reason why **swearing** is employed is to hold the object of oath as an evidence to the truth of the subject of the verses following it.

Allah sebut, "...semua manusia itu berada dalam keadaan kerugian kecuali dia termasuk mereka yang selalu beramal soleh, saling menasihati dalam kebenaran dan kesabaran."

Justeru ingat mengingati adalah jalan hidup kita, tegur dan nasihat agar sabar dan dalam kebenaran. Bukan ia bererti yang menegur itu lebih baik dari yang ditegur atau yang ditegur itu salah atau

COVID-19

## JANGAN LEKA DAN ALPA, KITA BELUM MENANG

### DUDUK RUMAH

Hanya keluar jika ada urusan penting



Kementerian Kesihatan Malaysia  
MYHEALTHROOM

Antara **SABAR dan RIDHO**

Derajat orang yang ridho lebih utama dari orang yang sabar.

Nabi ﷺ telah mengingatkan dalam sabdanya "Sesungguhnya Allah apabila menyintai suatu kaum maka Dia akan menguji mereka. Barangsiapa yang ridho niscaya dia akan memperoleh keridhoan-Nya dan barangsiapa yang murka maka dia akan mendapat kemurkaan-Nya."

(Shohih Al-Tirmidzi 2396 dhasarkan oleh Syaikh Nashir dari Anas bin Malik)

Cukuplah kisah Nabi Ayyub 'alaihisalam sebagai pelajaran berharga bagi kita bahwa keridhoan beliau terhadap ujian Allah menjadi sebab digantinya penderitaan dengan kenikmatan yang lebih banyak.

sumber: <https://t.me/manhajulhaq>

UFTI

Broadcast 0811271630

FREE SHARE

buruk namun lebih utama adalah sebagai peringatan, kerana Allah jadikan manusia mudah lupa. Malah dalam Al-Quran kita boleh menjumpai 21 ayat dari pelbagai surah yang menyebut tentang lupa seperti surah Al-Kahf/18:63, Thahaa /20:126.

Marilah kita memugarkan amalan ini dengan cara yang baik dan berhikmah dan adab yang diajar dalam Islam.

Ia tidak semestinya yang berkaitan dengan COVID sahaja malah juga dalam urusan seharian demi memperbaiki diri, keluarga, organisasi, masyarakat dan negara.

**Alhamdulillah**, Ketua Pengarah KKM saban hari mengingatkan kita supaya mengamalkan norma baru, amalkan 3W dan elak 3S tanpa jemu, kerana itu menjadi tugasnya dan selama ini juga tugas kita.

Cuba kita teliti youtube syarahan Nourman Ali, yang menunjukkan betapa kita saling memerlukan apabila kita ingat mengingatkan dan dimulakan dengan mula-mula membayangkan kita sedang lemas, kita tak punya banyak masa...cuba cut dan paste alamat url di atas.

## Kelebihan Bersyukur

Sebagai manusia sudah menjadi kewajiban kita untuk selalu bersyukur kepada Allah Ta'ala. Ia bermaksud berterimakasih atas segala nikmat yang telah kita peroleh. Untuk [cara bersyukur menurut Islam](#) boleh dilakukan dengan perbuatan, lisan ataupun qolbu. Dengan memperbanyak rasa syukur maka insyaAllah kenikmatan dan pahala akan berlipat ganda.

**Sambungan - beberapa manfaat bersyukur kepada Allah, antaranya:**

### 5. Bersyukur adalah hal utama di sisi Allah Ta'ala

Dari Abu Umamah Radhiyallahu 'Anhu, Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda : *"Allah SWT tidak memberikan nikmat kepada seorang hamba, kemudian ia memuji Allah SWT atas nikmat-Nya, kecuali pujiannya itu lebih utama dari nikmat itu, meskipun kenikmatan itu besar."* (HR. Tabrani)


### 6. Dihindarkan dari cobaan

*"Apabila seorang melihat orang cacat lalu berkata (tanpa didengar oleh orang tadi) : "Alhamdulillah yang telah menyelamatkan aku dari apa yang diujikan Allah kepadanya dan melebihi aku dengan kelebihan sempurna atas kebanyakan makhlukNya", maka dia tidak akan terkena ujian seperti itu betapapun keadaannya."* (HR. Abu Dawud)

### 7. Meningkatkan Iman

Bersyukur juga bisa menjadi cara meningkatkan iman dan taqwa kepada Allah SWT . Kita ridha dengan pemberian Allah Ta'ala. Dalam urusan dunia, kita memandangi orang-orang yang berada di bawah kita sehingga bisa meningkatkan rasa syukur.

*"Dua hal apabila dimiliki oleh seseorang dia dicatat oleh Allah sebagai orang yang bersyukur dan sabar. Dalam urusan agama (ilmu dan ibadah) dia melihat kepada yang lebih tinggi lalu meniru dan mencontohnya. Dalam urusan dunia dia melihat kepada yang lebih bawah, lalu bersyukur kepada Allah bahwa dia masih diberi kelebihan."* (HR. Tirmidzi)





## 8. Membuat Hati Tenang

Seseorang yang kufur nikmat, selalu merasa hidupnya kurang dan iri dengan milik orang lain maka hatinya tidak akan tenang. Hatinya dipenuhi penyakit. Bahkan ia menjadi semakin jauh dari Allah Ta'ala. Berbeda dari orang yang senantiasa bersyukur. Susah ataupun senang ia tetap tersenyum dan ridha. Ia tidak memperdulikan omongan orang lain. Ini akan membuat hati lebih damai dan tenang. Sebenarnya bersyukur kepada Allah Ta'ala masih memiliki banyak manfaat bagi kehidupan. *(Bersambung dalam siaran berikut ...)*

## Jangan Leka, Kuatkan semangat dan Stamina, Kita boleh lakukan

Penyambungan PKPB di negeri Selangor sehingga 6hb Disember 2020 adalah akibat kita Tak jaga kita, kita terleka atau kita terikut dengan berita tak sahih tentang penyakit ini. Bilangan kes masih tinggi dan sekali sekala ada kluster baru di laporkan dan Gombak masih dalam Zon merah (sehingga 2 Disember 2020). Lihat saja laporan kes, merebak ke Kelantan dan negeri lain tapi asalnya dari negeri lain termasuk dari Sabah atau dari negeri lain di Semenanjung. Menurut MKN: COVID-19 TIDAK KENAL MANGSA Walaupun ahli keluarga, namun jika kita tidak tinggal serumah, kita mesti amalkan memakai pelitup muka & penjarakan fizikal 1 meter.

Begitu juga semasa bersama sahabat, teman baik, rakan sekolah, rakan pejabat, rakan rekreasi, ATAU SESIAPA SAHAJA...

▶ Sentiasa patuhi SOP yang ditetapkan dengan mengamalkan penjarakan fizikal dan memakai pelitup muka. Ini kerana pendedahan dan risiko jangkitan antara satu sama lain adalah berbeza.

⊖ Banyak kluster yang berlaku di seluruh negara pada waktu ini disebabkan ramai yang gagal patuh pada SOP.

Ini bererti kita semua masih perlu memainkan peranan masing-masing serta perlu terus memberikan sokongan dengan mematuhi sepenuhnya SOP yang ditetapkan. **Duduklah di rumah sekiranya tiada urusan di luar.** Sekiranya terpaksa dan perlu keluar dari rumah atas urusan penting, kita perlu patuhi SOP yang ditetapkan.

Jangan ambil mudah. Saya ulangi agar kita merebut peluang mengubah dan memperbaiki diri dan kerja kita kerana Allah.

## Sekolah Kita

Selamat Ulangtahun ke 31 SERI AL HUDA! Selama 30 tahun sekolah ini membesar dalam serba kekurangan, secara fizikal dan kemudahan, tapi tidak kurang pencapaian dan kejayaannya. Aspirasi 1989 masih segar, masih melalui perjalanan yang Panjang kerana kini zaman telah berubah, millennium baru membawa 1001 macam cabaran yang masih memerlukan sekolah ini, keperihatannya, perlindungannya, penyediaannya untuk anak didiknya terutama dalam menghadapi zaman mereka pula. Mereka yang memulakannya masih ada bersama kita dan masih

Tahniah dan terima kasih kepada semua yang terus menerus melaksanakan tugas dengan istiqamah dan cemerlang, semoga Allah mengganjarinya berlipat-lipat kali ganda mengikut kehendakNya.





mengambil berat keberadaan sekolah ini dalam masyarakat. Tiada sambutan yang wajar untuk 30 tahun (yang tak dapat kita raikan) standing dengan pencapaiannya dan berapa jauh perjalanannya. Yang lebih utama adalah agar ia boleh bergerak lebih jauh lagi, jika tidak tambahan 30 tahun lagi mungkin lebih. Untuk melakukannya sekolah dan warganya perlu kekal relevan, bukan sekadar melakukan sesuatu sebagai suatu rutin harian, kebiasaan yang di sambung-sambung tanpa menilai dan memperbaiki diri. Relevannya kita selagi kita boleh membantu orang lain, untuk membantu orang lain kita perlu bersedia, untuk bersedia kita perlu menilai dan mempelajari semula kaedah kita, content kita, modul kita. Untuk semua ini, kita perlu menguatkan diri, ketahanan, kesabaran malah sentiasa berfikir mencari jalan baru, cara baru. Penilaian ini penting kerana dengannya baru kita akan faham apa yang kita lakukan dengan betul atau salah atau kurang kesannya dan memperbaikinya dan menjadi lebih baik.

Alhamdulillah, walaupun sekolah tidak berfungsi dengan kehadiran murid dan gurunya dengan sepenuhnya, ia masih hidup dan berperanan sebagai medan Pendidikan anak-anak dengan kehadiran guru untuk melaksanakan amanah dengan kelas secara atas talian. Pejabat pula di buka setiap hari dengan staf bergilir dan Bekerja Dari Rumah (BDR) ketika dirumah. Semuanya di lakukan dengan mematuhi SOP yang telah di tetapkan.

Sebelum ini saya sudah jelaskan (ringkas) jalan yang bakal kita lalui untuk menggunakan teknologi dengan lebih aktif sesegera mungkin walaupun secara berperingkat. Namun mula tetap perlu kita mula. *A journey of a thousand miles starts with a single step. The only guarantee for failure is to stop trying.*

Justeru iltizam dan istiqamah yang terkandung dalam karakter al Hikmah itu amat diperlukan kerana perjalanan kita masih jauh tetapi masih ada R&R yang membantu disamping doa dan bantuan Ilahi. Dalam masa PKPB ini, pengurusan telah mengambil beberapa inisiatif seperti berusaha menaikkan semula Laman Sesawang sekolah, mengaktifkan penggunaan MS Education 365 dalam pembelajaran *online* dengan bantuan pegawai teknologi maklumat kita Puan Norizan. Sekolah telah membentuk 5 orang yang bakal menjadi pakar MS365 manakala 20 orang lagi adalah *aprentice* mereka manakala bakinya akan di latih dalam peringkat seterusnya atau seiring dengan Latihan dan kursus yang diadakan. Disamping itu usaha sedang di lakukan untuk memuatnaik borang-borang atau mengaktifkan penggunaan borang dalam ASIS atau sistem sekolah untuk guru dan staf termasuk cuti dan tempahan.






### Sinopsis Buku

Bulan lalu saya sarankan agar guru dan kakitangan mula membaca sekurang-kurangnya sebuah buku semasa PKPB ini. Menelusuri buku tulisan Dr. Daud Bakar bertajuk **“Saya Ada 25 jam Sehari”** beberapa perkara yang boleh diambil pengajaran adalah: *“Satu-satunya perbezaan antara masa dan lain-lain ciptaan ilahi adalah masa ditakdirkan membawa kerugian kepada manusia. Inilah takdir manusia, melainkan mereka menukarkan kerugian ini kepada “modal kerja”. Ini bebas dari sebarang kos dana dan seterusnya menjana keuntungan dalam kunci kira-kira kehidupan mereka.* *Masa mampu mencipta keajaiban jika kita menguruskan masa yang diperuntukkan kepada kita sebagai satu organisma hidup – bukan sebagai unsur beku - yang bersifat peribadi bagi setiap orang”.* Marilah kita tingkatkan usaha, tambah ilmu agar mampu mendepani norma baru ini serta mampu memandu pelajar memahami dan melaluinya, **STEP UP and BE COUNTED.** #SeriAlHudaMampuMelakukannya

**Majlis Keselamatan Negara (Rasmi), [16.11.20 18:39]**  
 #COVID19 Kes baharu hari ini 1,103 kes berada antara unjuran R naught pada nilai 1.1 dan 0.9. KKM menasaskan R naught bawah nilai 0.5 dengan mempertingkatkan aktiviti kesihatan awam bagi mencegah dan mengawal jangkitan.



## TIP DAN IDE

### Taking it gently is what will help children back to school

With pupils returning to school in greater numbers, it could be tempting to jump right back into the old routines to make up for lost time. But tests, tasks and times tables might not be the best way to settle children back and get them ready to learn.

A slow and steady pace is best, with gentler ways of assessment to understand the gaps in learning.

#### Wellbeing comes first

Children's emotional health needs to be at the heart of a return to school strategy.

After all, if lockdown seemed long to us, imagine how long it must have felt for a child to be away from the classroom. Even the children of keyworkers who continued attending school have got used to a very different learning environment.

What children need now is the time and space to reconnect with friends and re-adjust to the school day, and some pupils will need some additional pastoral support. [The Key for School Leaders](#) has some great resources teachers can use to support pupils' wellbeing.

Joining in with collaborative activities can ease pupils back to being part of a class again, with the flexibility to meet changing social distancing requirements and keep everyone safe. The focus for these activities should be fun, such as working together on an art project, or a maths quiz.

- David Whyley, Education Consultant with Lexplore Analytics



**Daripada 6,779 pelajar Melayu yang gagal subjek agama dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR)**  
**1,616 gagal mengucap**  
**1553 gagal dalam aspek Rukun Islam**  
**1,901 lagi gagal dalam aspek Rukun Iman**

Datuk Othman Mustapha  
 Ketua pengarah  
 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Dalam kita mengejar Kemahiran Abad 21, kita harus sedar



27 Nov 2020

**KERAP BASUH TANGAN DENGAN AIR & SABUN**  
 Selepas menyentuh permukaan yang sering di sentuh.

**SENTIASA PAKAI PELUTUP MUKA**  
 ketika keluar rumah dan berada di tempat awam

**PENJARAKAN FIZIKAL**  
 perlu diamalkan sekurang-kurangnya 1 meter dengan orang lain

**DAFTAR MySejahtera**  
 untuk memudahkan daftar masuk ke premis

**Bersama Hentikan Wabak Covid-19**  
 Pembudayaan norma baharu dalam kehidupan seharian dapat mendisiplinkan diri kita dengan kawalan sendiri sekaligus memutuskan rantaian penularan pandemik COVID-19 dalam negara.

Majlis Keselamatan Negara @MKJUPM Majlis Keselamatan Negara (Rasmi) @mkn\_rasmi



**COVID-19**  
**JOM UBAH MINDA SEMASA PANDEMIK**

Saya terkurung di rumah  
 Saya berasa SELAMAT di rumah dan dapat meluangkan masa bersama ahli keluarga

Saya akan dijangkiti penyakit  
 Saya kerap mencuci tangan dan mengamalkan jarak sosial. Peluang untuk saya dijangkiti dapat DIKURANGKAN

Saya akan kehabisan barangan  
 Saya sudah bersedia dan akan gunakan barangan secara berhemat. Barangan keperluan saya mencukupi buat masa ini

Saya rasa panik kerana semua tempat ditutup  
 Tempat yang paling PENTING seperti pusat perubatan, farmasi dan kedai runcit masih beroperasi

Kementerian Kesihatan Malaysia | PAKETISLAM | SAKITIBERSEKUTU | Sumber: Adapted from Rumain2.com. Collaborative resources project by Institut Disiplin Health Department, Psychiatry, and Mental Health Department of Hospital Sarker & Dr Engeng Koh

### 3 tips for helping students learn anywhere

#### 1. Strive to provide devices for everyone

The importance of providing access to devices can't be underestimated when striving for inclusive classrooms

#### 2. Use flexible technologies

With built-in learning tools, like the *Immersive Reader*

Teams has kept students connected through live meetings. Teams also offers ways for students to be expressive during online learning, thanks to GIFs, stickers, emojis, and reactions they can use during discussions.

#### 3. Pursue professional development



bahawa jawapan kepada kemelut kemanusiaan dan dunia ini tidak di capai hanya melaluinya sahaja. Justeru kita membangunkan Pendidikan Al Hikmah (PAH).

## Pendidikan Al Hikmah

3. **6 tunjang utama di dalam kurikulum standard sekolah rendah KSSR, KSSM dan pra sekolah KSPK ... Juga adalah bentuk kesepaduan..bagaimana ?**

**J:** KBSM KBSR digantikan dengan KSSR dan KSSM dan DSKP ...kurikulum standard...untuk memenuhi tuntutan modal insan dengan kompetensi PAK 21.

Enam Tunjang diperkenalkan dlm Kurikulum Standard adalah klasifikasi ilmu, kemahiran dan nilai bagi mengangkat JERIS dalam FPK.

4. Penulisan Profesor Dato` Siddiq Fadzil - (2014) mengutarakan pemikiran ke arah pendidikan karakter berasaskan nilai-nilai Luqmani (surah Luqman: 12-19) dan beliau telah mengemukakan Falsafah Pendidikan Al-Hikmah sebagai tawaran alternatif dalam pendidikan masa kini. Relevansi Pendidikan Al-Hikmah Dalam Pendidikan Ummah antara lain

***Pendidikan Al-Hikmah sebagai satu pendidikan alternatif terbaik untuk kemenjadian insan untuk generasi akan datang.***

***Pendidikan Al-Hikmah menekankan aspek pembentukan generasi yang berwatak dan berkemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) selari dengan perintah Allah, "afala taqilun, afala tafakkarun, afala tafazakkarun ".***

***Terus pastikan 3W, elak 3C dan pastikan siapa yang kita bertemu bukan orang yang baru pulang dari luar negeri atau negeri dalam zon merah dan tidak kuarantin dengan betul, tiada kontak rapat kepada mereka yang positif COVID-19, tidak bergejala agar kita terus menerus selamat sebelum kita kembali ke sekolah.***

Marilah kita sama-sama doakan kesihatan, kesembuhan dan keselamatan buat Ustazah Rosnah, Puan Badariah dan Puan Norita Asra yang mengalami ujian kesihatan. Moga mereka sabar dan diberikan kesembuhan serta dipermudahkan segala urusan. Kita juga mengucapkan selamat maju jaya kepada Puan Norashikin Mohamad yang meletak jawatan mulai 20 November 2020 setelah berkhidmat lebih 20 tahun.

*Sometimes, helping others means helping ourselves first. Through **Microsoft Innovator Educator (MIE)** programs, teachers can get support and recognition for using technology to pave the way for their peers and students. The programs provide training opportunities and a global community of educators collaborating to push boundaries in education.*



Kita berada di hujung 2020 dan akan menghadapi 2021 dengan norma baru dalam tahun baru. Kita tidak lalui 2020 dengan sia-sia kerana bukan itu kehendak Allah, namun jadikan ia sebagai window untuk memperbaiki diri, keluarga, masyarakat dan negara serta dunia seluruhnya.

Saya pohon moga Allah lindungi tuan-tuan dan puan-puan dari wabak ini, serta keluarga, masyarakat dan semua sahabat kita dalam negara dan di dunia ini seluruhnya.

**Akhukum Fillah**

**Syed Ismail Alhabshi**

2 DISEMBER 2020 (18 RABIUL AKHIR 1442H)